

DOCX.MY

BERITA ONLINE ANDA!

Info semasa, Terkini, Viral, Agama, Pendidikan,
Makluman, Resepi , Informasi Kerajaan Dan Lain-Lain

INFO LANJUT

 www.docx.my



DOCX.MY

SENANG DOWNLOAD

RAKYAT KL BAKAL TERIMA RUMAH MAMPU MILIK, PPR



Kerajaan telah menekankan dasar yang mewajibkan pembinaan rumah mampu milik atau Projek Perumahan Rakyat (PPR) dalam semua projek perumahan yang diluluskan di Kuala Lumpur, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau menyatakan bahawa sasaran sebelum ini untuk membina lebih banyak rumah mampu milik belum tercapai, oleh itu perubahan

penetapan syarat bertujuan untuk meningkatkan jumlah rumah tersebut untuk memenuhi keperluan rakyat yang tidak berkemampuan.

Perdana Menteri juga mengakui bahawa masalah ini adalah serius, dengan 3,000 permohonan untuk mendiami rumah mampu milik atau PPR di ibu negara setiap tahun, sementara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hanya dapat menawarkan 300 unit dalam tempoh yang sama.

"Kami telah membuat perubahan (dalam mesyuarat) yang saya pengerusikan dua bulan lalu untuk tidak meluluskan mana-mana projek perumahan (di Kuala Lumpur) sekiranya pemaju tidak membangunkan unit rumah mampu milik atau PPR dalam projek yang sama.

"Mengenai syarat permohonan PPR DBKL yang ketat, saya juga bersetuju dan meminta DBKL untuk membuat penyesuaian sedikit (terhadap syarat permohonan)," katanya semasa sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat pada hari Selasa.

Perkara ini diutarakan oleh Perdana Menteri sebagai jawapan kepada soalan Fong Kui Lun (PH-Bukit Bintang) mengenai syarat permohonan rumah PPR DBKL yang terlalu ketat, yang menyebabkan individu yang memerlukan seperti individu bujang yang ibu bapanya meninggal dunia atau pemohon asal tidak layak membuat permohonan baru.

Sementara itu, menjawab soalan tambahan Datuk Mohd Suhaimi Abdullah (PN-Langkawi) mengenai pertindihan peranan pelbagai agensi perumahan, Anwar menjelaskan bahawa kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa Kabinet untuk menyeragamkan dan mengumpulkan semua agensi yang terlibat di bawah kelolaan kedua-dua Timbalan Perdana Menteri.

" ... kecenderungan kita sebelum ini adalah apabila berlaku masalah, kita tubuhkan agensi ... dan jika terdapat masalah lagi, kita tambah lagi agensi. Padahal tugas dan hal yang sama ... oleh itu, kami akan mengumpulkan semua agensi ini dan menyelaras untuk memastikan program perumahan bagi rakyat tidak bertindih," Menurutny. - Bernama